

29/10/2000

Antara semangat Azhar dan angan Mat Jenin

Razali Yahaya

KETIKA Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyuarakan harapan tinggi bahawa Malaysia suatu hari nanti mampu melahirkan pelumba Formula Satu sendiri, kita percaya ramai kalangan rakyat negara ini begitu sinis malah ada yang mencemiknya; seolah-olah ia hanya angan-angan kosong yang tidak mungkin menjadi kenyataan.

Itulah realitinya? Apapun kita tidak boleh cepat menyalahkan mereka kerana tidak yakin dengan pengharapan perdana menteri itu. Sebenarnya mereka berhak untuk memandang sinis malah mencemiknya. Ini kerana pengurusan sukan di negara ini sudah sekian lama memberikan gambaran seumpama itu. Jadi, mana mungkin akan sampai ke tahap tertinggi itu.

Bagi kebanyakan rakyat Malaysia khususnya peminat sukan tanah air, mereka sebenarnya sudah meluat dimomokkan dengan pelbagai janji kosong oleh sebahagian besar persatuan sukan kebangsaan yang jelas tidak mampu menempatkan diri antara terbaik di persada sukan antarabangsa.

Sebab itulah, mereka seolah-olah mencemik pengharapan perdana menteri yang mahukan Malaysia dapat melahirkan pelumba Formula Satu sendiri akan datang. Bagi peminat sukan tanah air, mereka tidak nampak ke mana hala tuju sukan negara yang kini sudah memasuki abad ke-21. Sedangkan dalam bidang-bidang lain, Malaysia sudah setanding dengan negara-negara elit dunia. Namun di bidang sukan, kita terus-menerus macam tahun-tahun 1960-an.

Apa tidaknya, ketika seluruh rakyat Malaysia mempertikaikan kegagalan kontinjen negara pada Sukan Olimpik Sydney bulan lalu, tiga orang kuat sukan kebangsaan - Menteri Belia dan Sukan, Datuk Hishammuddin Hussein; Pemangku Ketua Pengarah Majlis Sukan Negara (MSN), Zaki Abdul Rahman dan Setiausaha Majlis Olimpik Malaysia (MOM), Datuk Sieh Kok Chi - tanpa rasa was-was dengan nada yang sama telah melahirkan rasa puas hati dengan persembahan pasukan negara sepanjang sukan berprestij itu. Memang pelik

...

Inilah yang kita hairankan. Boleh mereka kata puas hati dengan pencapaian kontinjen negara di Sydney, sedangkan hakikatnya kita pulang dengan tangan kosong. Inilah susahnya kalau pegawai-pegawai tertinggi sukan kebangsaan kita terus disempitkan oleh pemikiran sekadar untuk memperbaiki pencapaian dan bukannya mengejar pingat.

Justeru itulah, kita tidak terkejut apabila Menteri Kewangan Tun Daim Zainuddin ketika membentangkan Belanjawan 2001 di Dewan Rakyat, kelmarin yang turut menyatakan kerajaan kecewa dengan pencapaian kontinjen negara yang gagal meraih sebarang pingat pada Sukan Olimpik di Sydney, bulan lalu.

Menurut Daim kerajaan sudah memperuntukkan sejumlah wang yang besar dengan menyediakan pelbagai kemudahan dan galakan kepada atlet, namun hasil yang diharapkan cukup mengecewakan. Dan beliau seterusnya menyarankan atlet kebangsaan harus mengamalkan tahap disiplin yang paling tinggi serta memiliki kekuatan mental yang maksimum untuk maju dalam sukan antarabangsa.

Kalau isu pencapaian Sukan Olimpik itu dibangkitkan dalam Belanjawan 2001 oleh menteri kewangan sendiri, ini cukup jelas bahawa kerajaan memang kecewa. Kita setuju dengan apa yang dikatakan Tun Daim. Apa tidaknya, kerajaan sudah menyediakan peruntukan yang begitu besar untuk tujuan itu tetapi hasilnya amat mengecewakan.

Jelaslah, kerajaan sendiri kecewa dengan pencapaian kontinjen negara di Sukan Olimpik sehingga terpaksa menyatakannya dalam pembentangan

Belanjawan 2001, dan ini sekali gus bercanggah sama sekali dengan kenyataan tiga tokoh sukan tadi - Datuk Hishammuddin, Zaki Abdul Rahman dan Datuk Sieh Kok Chi - yang puas hati dengan pencapaian kontinjen negara di Sydney. Apa sudah jadi?

Kesilapan ketara kontinjen negara ke Olimpik ialah mengapa kita masih tetap menghantar atlit yang kita semua sudah tahu tidak akan memenangi pingat. Bukanlah ini satu pembaziran terhadap wang negara. Memang ada kebenarannya Tun Daim terpaksa membangkitkan isu itu dalam Belanjawan 2001 kelmarin. Adalah lebih baik wang berkenaan disalurkan kepada program lain untuk membina atlit muda menghadapi Olimpik akan datang.

Usah jadikan Sukan Olimpik sebagai tempat untuk menimba pengalaman. Ini kerana Sukan Olimpik adalah temasya berprestij atau tertinggi dalam sukan antarabangsa. Atlit-atlit negara boleh diuji dalam pelbagai kejohanan lain untuk menimba pengalaman dan bukannya di Sukan Olimpik. Menjadikan Sukan Olimpik sebagai tempat mencari pengalaman adalah satu kesilapan yang tidak boleh dimaafkan.

Sebab itulah semua rakyat marah dan kecewa kerana pegawai-pegawai kita sendiri sudah menyifatkan Sukan Olimpik sebagai tempat menimba pengalaman. Kita lihat sendiri, sebelum berlepas ke Sydney lagi, pegawai-pegawai sukan kebangsaan awal-awal sudah menyatakan peluang menang pingat memang tidak ada tetapi memperbaiki kedudukan adalah target pasukan negara.

Inilah yang kita tidak faham. Sudah tahu tidak boleh menang pingat, tetapi disebabkan keegoan pegawai-pegawai, kita tetap hantar atlit dan hasilnya kita semua sudah tahu jawapannya. Lebih menyakitkan hati, sekembali ke tanah air, pegawai-pegawai dengan nada selamba kata: "kita tetap puas hati dan bangga dengan prestasi kontinjen negara". Sedangkan mereka pulang dengan tangan kosong. Apa erti semuanya ini?

Merujuk kepada harapan perdana menteri untuk melihat Malaysia suatu hari nanti mampu melahirkan pelumba Formula Satu sendiri, hati kecil kita sendiri berbelah bahagi dan ia jelas menimbulkan pelbagai persoalan yang tiada nokhtahnya. Harapan Dr Mahathir itu memang baik dan siapa yang tidak bangga suatu hari nanti akan muncul 'Schumacer Malaysia' sebagaimana yang diharapkan oleh pemimpin nombor satu negara kita itu.

Soalnya, selagi pegawai-pegawai sukan kebangsaan kita masih memiliki mentaliti yang tidak mahu menerima perubahan seiring dengan perubahan Malaysia dalam bidang-bidang lain di ambang abad ke-21 ini, selagi itulah sukan negara kita akan terus tertinggal. Dan lebih mengaibkan harapan untuk melihat Malaysia dapat melahirkan pelumba Formula Satu sendiri akan datang boleh dianggap macam 'angan-angan Mat Jenin' yang menyaksikan kita sekadar mendapat pujian hanya sebagai penganjur terbaik Formula Satu untuk selama-lamanya.

Sepatutnya, kejayaan Michael Schumacher dan Ferrari mengungguli perlumbaan kereta Formula Satu Grand Prix Malaysia di Litar Antarabangsa Sepang, Ahad lalu sedikit sebanyak menjana ke arah menanam semangat rakyat negara ini untuk melahirkan bintang Malaysia di persada sukan permotoran antarabangsa akan datang.

Di sebalik kemenangan Schumacer dan Ferrari di hadapan kira-kira 90,000 penonton di Sepang itu, Malaysia telah meraih kejayaan di segi penganjuran dan terus dianggap antara litar terbaik di dunia. Kejayaan itu membolehkan kita menerima pujian serta penghormatan terbesar pernah diraih oleh Malaysia.

Soalnya, apakah kita mahu terus-menerus menjadi penganjur terbaik sedangkan harapan yang disuarakan Dr Mahathir agar Malaysia dapat melahirkan pelumba Formula Satu sendiri semacam cerita Penglipur Lara Melayu yang penuh cerita dongeng. Bagi kita, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) perlu sahut cabaran ini. Ke mana perginya slogan 'Malaysia Boleh'. Adalah tidak mustahil, Malaysia mampu melahirkan pelumbanya sendiri dalam

Formula Satu sekiranya program ke arah itu dapat dibuat secara terancang. Pasti boleh ...

Datuk Azhar Mansor sendiri ketika mengumumkan mahu mengelilingi dunia secara solo, ramai yang mungkin tergelak dan mencebik, malah ada yang menganggap ianya satu kerja gila. Tetapi semangat juang Datuk Azhar telah melenyapkan kata-kata sinis itu dan dia telah melakukan satu keajaiban yang sukar dipercayai oleh rakyat Malaysia. Baginya slogan 'Malaysia Boleh' yang tertanam di sanubarinya telah menjadi dorongan kuat untuk dia melakukan sesuatu yang harus diberikan pengiktirafan tertinggi.

Jadi, tidak ada salahnya atlit-atlit negara kita meminjam `semangat Datuk Azhar' untuk membuat kejutan dalam sukan antarabangsa dan sekali gus harapan Dr Mahathir mahukan Malaysia menelurkan pelumbanya sendiri dalam Formula Satu bukan lagi cerita dongeng tetapi satu kenyataan dan kebenaran.

(END)